

NO. SOALAN : 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS  
MOJIGOH  
[ PUTATAN ]**

**TARIKH : 25 JULAI 2017 (selasa)**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ PUTATAN ] meminta PERDANA  
MENTERI menyatakan :-**

- (a) apakah jenis-jenis pelaburan yang telah dibuat oleh Felda Global Ventures (FGV) dan adakah pelaburan yang dibuat oleh FGV ini mendatangkan keuntungan kepada Kerajaan dan peneroka FELDA ;
- (b) jumlah keuntungan yang dicatat dalam tempoh 10 tahun lepas dan siapakah yang menerima manfaat tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasrat penyenaraian FGV pada 2012 adalah untuk menjadikan syarikat berkenaan antara syarikat perladangan terbesar dunia menjelang 2020 sekali gus memberi nilai tambah kepada pemegang-pemegang saham.

Bagi mencapai hasrat berkenaan, pelaburan FGV fokus kepada tiga sektor perniagaan utama iaitu Perladangan, Gula dan logistik & Lain-lain (LO).

Bagi sektor perladangan, pelaburan utama yang telah dilakukan adalah pembelian Asian Plantation Ltd, Pontian United Plantation dan Golden Land Berhad dengan tujuan menambahbaik profil umur pokok Kumpulan.

Bagi sektor Gula, FGV telah menguasai 51% pegangan saham dalam MSM Holdings Berhad yang merupakan peneraju gula bertapis Malaysia. Manakala bagi Sektor LO, FGV telah mengambangkan perniagaan seperti logistik, penyimpanan dan perniagaan sokongan lain bagi meningkatkan sumbangan keuntungan dari sektor bukan sawit.

Pelaburan-pelaburan ini dijangka memberi pulangan jangka panjang yang stabil kepada FGV dan juga pemegang-pemegang saham.

Berdasarkan pelaburan-pelaburan yang dibuat dalam tiga sektor berkenaan, berikut adalah prestasi keuntungan yang direkodkan oleh FGV sejak 2012 hingga 2016 selain jumlah dividen yang dikeluarkan kepada pemegang saham.

| Tahun | Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti<br>( RM' juta ) | Dividen sesaham<br>( sen ) | Jumlah Dividen<br>( RM' juta ) |
|-------|---|----------------------------|--------------------------------|
| 2012  | 805.95  | 14                         | 510.72                         |
| 2013  | 982.25  | 16                         | 583.68                         |
| 2014  | 325.49  | 10                         | 364.80                         |
| 2015  | 182.32  | 4                          | 145.92                         |
| 2016  | 31.47   | 1                          | 36.48                          |

Sekian. Terima kasih.

**SOALAN ( 36 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25 JULAI 2017  
[ SELASA ]

DARIPADA : YB DATO' SERI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL  
TOYAD ABDULLAH  
[MUKAH]

**SOALAN :-**

**YB Dato' Seri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian dalam menjadikan Malaysia sebagai negara bersih ke arah Matlamat Pelupusan Terbuka Sifar menjelang 2020 serta apakah standard kualiti sistem pengurusan sisa pepejal yang dikuatkuasakan supaya dapat memastikan pengurusan sisa pepejal berjalan dengan sempurna.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak menetapkan sebarang dasar khusus seperti Matlamat Pelupusan Terbuka Sifar menjelang Tahun 2020 dalam perancangan pelupusan sisa pepejal. Kementerian berpandangan bahawa sasaran untuk mencapai tapak pelupusan terbuka sifar menjelang tahun 2020 adalah kurang relevan pada masa ini kerana memerlukan peruntukan pembangunan dan operasi yang tinggi. Sebuah tapak pelupusan sisa pepejal sanitari dengan kapasiti 100 tan sehari memerlukan peruntukan pembangunan sekitar RM45 juta dan peruntukan pengurusan sebanyak RM1.1 juta setahun. Selain itu, ketiadaan tapak yang bersesuaian dan kos pengambilan tanah yang tinggi juga menyumbang kepada tapak pelupusan baharu sukar untuk dibina.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, buat masa ini, negara hanya mempunyai 18 buah tapak pelupusan sanitari manakala selebihnya iaitu 136 tapak adalah merupakan tapak pelupusan terbuka. Kementerian sedang

membina tapak-tapak pelupusan sisa pepejal sanitari baharu dengan kos pembangunan keseluruhan bagi projek-projek tersebut adalah sebanyak RM151.5. Tapak-tapak pelupusan yang sedang dibina adalah seperti berikut:

- i) Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Bukit Payong, Batu Pahat Johor;
- ii) Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Mersing, Johor;
- iii) Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Rompin, Pahang; dan
- iv) Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Beaufort, Sabah.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat juga, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menguruskan sisa pepejal secara bersepadu dan kos efektif yang memberikan penekanan terhadap konsep *Reduce, Reuse and Recycle* (3R) dan rawatan perantaraan serta pelupusan akhir. Selain itu, teknologi yang dicadangkan bagi tujuan rawatan perantaraan dan pelupusan akhir mestilah terbukti, mampu bayar dan mesra alam. Oleh itu, pihak Kementerian sedang mengkaji dan mempertimbangkan beberapa teknologi yang bersesuaian untuk diaplikasikan ke dalam negara ini termasuk teknologi insinerator.

Kementerian juga bercadang untuk membina beberapa fasiliti pengurusan sisa pepejal bersepadu di Semenanjung Malaysia yang akan dilengkapi dengan sistem pengasingan sisa, sistem rawatan sisa pepejal seperti

insinerator, *Anaerobic Digester* dan lain-lain jenis rawatan, serta akhir sekali, tapak pelupusan. Teknologi-teknologi yang bersesuaian akan dipertimbangkan untuk digunakan jika teknologi tersebut memenuhi 3 syarat yang telah ditetapkan Kementerian iaitu terbukti, mesra alam dan “*value for money*”.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017

**SOALAN ( 37 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25 JULAI 2017  
[ SELASA ]

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK  
[KUALA PILAH]

SOALAN :

**YB DATO' SRI HASAN BIN MALEK [KUALA PILAH]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang dalam mengadakan siri dialog TN50 bersama rakyat Malaysia yang berada di luar negara. Ini mampu dalam memastikan setiap suara dan pandangan serta hasrat rakyat kita didengari.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Khas Transformasi Nasional 2050 (TN50) telahpun mengadakan perbincangan dengan Kementerian Luar Negeri untuk turut melakukan *engagement* dengan diaspora Malaysia di luar negara bagi mengumpul aspirasi TN50. Rentetan itu, sesi Dialog Menteri Luar Bersama Rakyat Malaysia di United Kingdom telahpun diadakan pada 7 Julai 2017. Menteri Belia dan Sukan juga telah melakukan *engagement* secara *video conferencing* bersama belia Malaysia di Australia, Amerika Syarikat dan United Kingdom bagi mendapatkan input golongan belia ke arah Malaysia pada tahun 2050.

Bagi memastikan perbelanjaan berhemah, Kerajaan menumpukan usaha mengumpulkan aspirasi rakyat Malaysia di luar negara dengan memanfaatkan saluran komunikasi secara dalam talian. Sebagai contoh, Kementerian Luar Negeri telah melancarkan pertandingan fotografi bertemakan “*My Aspiration, My Future*” di link <https://mytn50.com/globalmalaysians> untuk penyertaan rakyat Malaysia

di luar negara. Sesi *engagement* akan diteruskan bersama rakyat Malaysia di negara-negara yang lain.

Sekian, terima kasih.

25 Julai 2017